



SIARAN MEDIA

Pembayaran Fasa 2 Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Bernilai RM2.75 Bilion Secara Berperingkat Mulai 7 Mei 2021 (Jumaat)

SIARAN MEDIA | 04 MEI 2021



KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) adalah sebuah inisiatif bantuan langsung yang diumumkan di dalam Belanjawan 2021, bagi memanfaatkan golongan B40. Fasa 1 pembayaran BPR berjumlah RM1.93 bilion telahpun dibayar kepada 8.4 juta penerima dari 24 Februari sehingga 1 April 2021.

Kini, Fasa 2 BPR menyusul untuk memanfaatkan jumlah penerima yang sama, merangkumi **3.6 juta isi rumah, 1.0 juta warga emas (bujang/tiada pasangan) dan 3.8 juta individu bujang**. Mereka akan menerima bayaran secara berperingkat **mulai 7 Mei 2021** yang melibatkan peruntukan berjumlah **RM2.75 bilion**.

Peningkatan peruntukan adalah berikutan penambahbaikan kadar bayaran kepada penerima. Jika dahulunya penerima dari kategori isi rumah menerima RM300 dan penerima bujang menerima RM150, kini pembayaran kepada penerima adalah di antara RM150 hingga RM600, berdasarkan kelayakan setiap penerima. **Semakan status kelulusan BPR boleh dibuat mulai 7 Mei 2021** melalui pautan bpr.hasil.gov.my.

Pembayaran ini akan disalurkan seperti berikut:

Jenis Penerima	Tarikh Pembayaran Mulai	Cara Pembayaran
Isi Rumah, Warga Emas dan Individu Bujang	7 - 12 Mei 2021	Terus dikreditkan ke dalam akaun bank
Penerima yang tidak mempunyai akaun bank (termasuk di Sabah & Sarawak)	17 Mei 2021	Melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). Pihak BSN akan mengeluarkan panduan SOP dari semasa ke semasa

Bagi memastikan program BPR disasarkan kepada mereka yang benar-benar layak, **tempoh permohonan rayuan akan dibuka mulai 15 hingga 30 Jun 2021**. Dengan adanya proses rayuan ini, sebahagian daripada mereka yang telah ditolak permohonannya masih diberi peluang untuk mengemukakan rayuan berserta dokumen yang berkaitan untuk disemak semula oleh LHDNM.

Mengambil kira pembayaran Fasa 1 dan Fasa 2 BPR, jumlah bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada hampir **8.4 juta penerima BPR adalah sebanyak RM4.68 bilion**. Mengimbas kembali, Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 berjumlah RM1.91 bilion kepada golongan B40 juga telahpun dibayar mulai 21 Januari 2021.

Oleh itu, setakat Mei 2021, **jumlah keseluruhan bantuan langsung Kerajaan (merangkumi BPN2.0 dan BPR Fasa 1 dan 2) yang telah dan akan disalurkan bagi golongan B40 adalah bernilai RM6.59 bilion**.

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan bantuan yang diperuntukkan sampai kepada mereka yang disasarkan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan Malaysia
Putrajaya
4 Mei 2021

Lampiran

Pembayaran fasa 2 BPR akan diberikan kepada penerima yang lulus mengikut jadual berikut:

Perkara	Isi Rumah Berpendapatan RM5,000 dan ke bawah	Warga Emas Berpendapatan RM5,000 dan ke bawah (Bujang/Tiada Pasangan)	Individu Bujang Berpendapatan RM2,500 dan ke bawah	Jumlah
Data Lulus BPR (8.4 juta penerima)	3.6 juta penerima	1.0 juta penerima	3.8 juta penerima	8.4 juta penerima
(8.5 juta penerima) 4.4 juta 4.05 juta 8.45 juta Nilai Bayaran Fasa 1 BPR bagi setiap penerima	RM150-RM400 (Baki bayaran pada fasa seterusnya)	RM300-RM600 (Bayaran Akhir)	RM200-RM350 (Bayaran Akhir)	
Implikasi Kewangan	RM1.39 bilion	RM0.46 bilion	RM0.9 bilion	RM2.75 bilion
Tarikh Pembayaran (Ada Akaun)	Mulai 7-12 Mei 2021			
Tarikh Pembayaran (Ada Akaun)	Mulai 7-12 Mei 2021			

Kaedah pembayaran bagi penerima kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang tiada akaun bank akan dibuat secara tunai sekaligus dengan pembayaran Fasa 3 melalui BSN dengan kolaborasi strategik bersama LHDNM dan Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Sarawak pada tarikh yang terdekat.

Jadual nilai pembayaran fasa 2 BPR mengikut kategori kelayakan dan maklumat lanjut boleh dirujuk Soalan Lazim (FAQ) di portal rasmi BPR iaitu, bpr.hasil.gov.my.

[📄 Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

[📰 Petikan Akhbar](#)

[📷 Foto](#)

[🎥 Video](#)

[📢 Pengumuman](#)

[📖 Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BAJET 2022](#)

[COVID-19](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[TMK I](#)

[KELUARGA MALAYSIA](#)

[PENJANA](#)

[PRIHATIN](#)

[TEAM MOE](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

Copyright © 2021 Kementerian Kewangan Malaysia. All Rights Reserved.

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Penafian](#)

[Peta Laman](#)

[Bantuan
Arkib](#)